

# JENAYAH remaja semakin serius

**B**ERITA mengenai penemuan mayat pelajar sekolah berusia 15 tahun, yang lengkap berpakaian dan berlumuran darah ditemui dalam tanah sedalam 0.5 meter di belakang rumah suspek berusia 19 tahun sungguh menyayat hati. Seminggu sebelumnya, berita mengenai seorang datuk yang dibunuh dalam satu rompakan yang dilakukan oleh cucunya sendiri bersama tiga orang remaja turut mengemparkan.

Perkembangan ini sangat membimbangkan. Perbuatan jenayah kekerasan melibatkan golongan remaja dari lingkungan umur 13 hingga 18 tahun kini semakin parah.

Dilihat pada statistik kadar jenayah melibatkan golongan remaja tahun lalu, seramai 4,474 kanak-kanak berumur seawal tujuh tahun ditahan dalam pelbagai kes jenayah dari Januari hingga September tahun lalu termasuk 1,847 orang daripadanya merupakan pelajar sekolah. Statistik Bukit Aman menunjukkan dalam tempoh itu, 135,121 kes jenayah melibatkan golongan terbabit direkodkan.

Dalam tempoh sembilan bulan itu, jenayah kekerasan yang merangkumi kes bunuh, rogol, samun berkumpulan dengan senjata api, samun berkumpulan tanpa senjata api, samun dengan senjata, samun tanpa senjata dan mendatangkan kecederaan direkodkan sebanyak 24,065

Statistik itu juga menunjukkan 430 kes bunuh, 2,746 (rogol), 76 (rompak berkumpulan bersenjata api), 12,834 (rompak berkumpulan tanpa senjata), 25 (rompak), 2,831 (rompak tanpa senjata) dan 5,119 (mendatangkan kecederaan).

Mereka turut terbabit dalam 54,170 kes kecurian termasuk 39,856 curi motosikal dan 10,222 curi kereta, 4,742 (ragut), 6,702 (pecah rumah siang hari) dan 19,469 (pecah rumah malam hari).

Daripada jumlah mereka yang terbabit, 28 kes melibatkan kanak-kanak berusia tujuh hingga 10 tahun, 90 kes (11 hingga 12 tahun), 1,271 (13 hingga 15 tahun) dan 3085 (16 hingga 18 tahun).

Melihat pada angka yang amat mengejutkan ini, timbul persoalan, apa telah terjadi kepada remaja kita hari ini?

Isunya, apakah remaja kita hari ini kurang ketahanan mengawal emosi dan tekanan akibat arus kehidupan yang semakin menderas laju? Apakah institusi kekeluargaan semakin runtu? Adakah nilai-nilai murni dalam masyarakat semakin terhakis? Di mana silapnya?

## Kes jenayah remaja Januari - September 2010

Bilangan kes	Fakta
4,474	- Kanak-kanak berumur seawal 7 tahun di tahan dalam pelbagai kes jenayah
4,474	- 1,847 daripadanya adalah pelajar sekolah
135,121	- Remaja direkodkan melakukan kes jenayah
24,065	- Melakukan jenayah kekerasan

Sumber: PDRM



## TEKANAN MENTAL

Baru-baru ini Menteri Kesihatan mengeluarkan kenyataan, bilangan pesakit mental yang menerima rawatan di hospital kerajaan meningkat sebanyak 15.6 peratus kepada 400,227 orang pada 2010 berbanding sebelumnya.

Masalah penyakit mental ini semakin serius. Dilihat pada perkembangan semasa, tuntutan hidup yang semakin mendesak dan ketidakupayaan menangani cabaran hidup, menjurus berlakunya gejala tekanan. Jadi, tidak hairanlah jumlah pesakit mental bertambah hatta di kalangan remaja.

Sehubungan itu, Kementerian Kesihatan Malaysia dengan kerjasama Kementerian Pelajaran Malaysia mengambil langkah memperkenalkan modul perintis kesihatan mental di sekolah menengah untuk menangani

masalah tekanan yang semakin serius di kalangan remaja.

Modul ini antara lain bertujuan memberi pendedahan kepada guru untuk mengenal pasti pelajar yang berdepan dengan tekanan dan kemurungan sekali gus memastikan pelajar berkenaan menerima rawatan dan bimbingan seawal mungkin.

Selain dari tekanan hidup, penyalahgunaan dadah tiruan dan menggunakan bahan kimia yang berlebihan atau dikenali sebagai bahan psikotropik atau syabu juga menyumbang perlakuan ganas yang membabitkan remaja. Dadah yang dicampurkan dengan bahan berbahaya seperti asid bateri dan bahan pencuci longkang meningkatkan lagi pengguna pada kesan yang lebih buruk.

Syabu merupakan perangsang yang



Gambar hiasan



Gambar hiasan

**Jenis dan bilangan kes jenayah remaja  
Januari - September 2010**


kuat. Ia memberi kesan 'euphoria' rasa gembira dan menyeronokkan. Rasa lebih bertena dengan peningkatan aktiviti fizikal, hilang mengantuk dan meningkatkan tumpuan perhatian. Pengguna juga akan alami kesan buruk seperti mulut kering, peluh berlebihan, anak mata menjadi besar, menggeletar dan sakit kepala. Akibat kesan khayal, menjadikan pengguna gelisah, cepat marah, gementar, kebingungan, fikiran terganggu dan bersifat ganas.

Manakala, pemberhentian pengambilan syabu akan menyebabkan kemurungan, kegelisahan, keletihan, syak wasangka tanpa sebab, sifat ganas dan menagih untuk mendapatkan syabu tersebut.

**BILA JIWA  
MEMBENTAK**

Sementara itu, gejala gengsterisme atau samseng yang menular di kalangan remaja turut membimbangkan. Gejala ini, budaya-separa keganasan yang dipelopori oleh segelintir pelajar yang merasa tersisih dan dinafikan dari arus perdana masyarakat.

Menurut kajian ahli kriminologi dan antropologi, budaya ini bermula dari kumpulan masyarakat yang kurang daya ekonomi dan pelajaran. Namun keadaan bertukar apabila budaya yang sama wujud di kalangan golongan kelas pertengahan.



Sumber: PDRM

Kajian juga mendapati, rasa ketidakpuasan hati yang bergelora dan hasrat mahu bersaing tetapi tidak kesampaian kerana kekurangan kuasa, meningkatkan simptom kebencian. Seterusnya bertukar arah untuk menghancurkan sasaran saingan.

Perbuatan jenayah bunuh melibatkan golongan remaja bukan suatu fenomena yang baru menular di kalangan remaja. Cuma ia telah disapukan di bawah karpet sehingga debunya kelihatan halus berterbangan dan kadangkala menyebabkan epidemik batuk pada orang lain, tetapi tanpa mahu diubat penyakitnya.

Dari segi perundangan, golongan remaja yang membunuh boleh bicarakan di bawah seksyen 302 Kanun Keseksaan. Dan jika sabit kesalahan boleh dihukum mati.

“**Perbuatan jenayah bunuh melibatkan golongan remaja bukan suatu fenomena yang baru menular di kalangan remaja. Cuma ia telah disapukan di bawah karpet sehingga debunya kelihatan halus berterbangan dan kadangkala menyebabkan epidemik batuk pada orang lain, tetapi tanpa mahu diubat penyakitnya**”

Bagaimanapun mengikut Seksyen 97(2) Akta Kanak-kanak 2001, mereka yang didapati bersalah hanya dikenakan tahanan di satu tempat selagi diperkenankan oleh Yang Dipertuan Agong dan bukan dihukum mati. Timbul persoalan di bawah peruntukan manakah paling sesuai bagi remaja yang membunuh? **A**